

15) ISU RUMAH TERBIAR DI RUMAH MURAH AWAM KOS RENDAH (RAKR) TAMAN DESA MAHANG

Adun : Y.B. Tuan Jefri Bin Mejan (Ijok)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

a) Senaraikan berapa jumlah Taman Desa Mahang?

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 316 unit di Taman Desa Mahang.

b) Apakah ada usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu ini?

Berdasarkan rekod di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), semua unit Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) Taman Desa Mahang telah habis dijual. Oleh itu, unit-unit yang terbiar adalah bukan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana setiap unit mempunyai pemilik yang sah. Sekiranya terdapat aduan berkaitan kacau ganggu, Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 80 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pemilik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan hartanah mereka.

c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan unit rumah terbiar ini dimanfaatkan, sama ada melalui program penyewaan mampu milik atau projek pemulihan?

Untuk makluman Yang Berhormat, unit-unit yang terbiar ini telah mempunyai pemilik yang sah. Sehubungan itu, ia tidak tertakluk untuk dimasukkan dalam program penyewaan mampu milik atau projek pemulihan. Namun, Kerajaan Negeri menggalakkan pemilik untuk menyelenggara dan memanfaatkan hartanah mereka bagi mengelakkan kesan negatif kepada komuniti sekeliling.